



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**14 Jun 2009**

Tiada kes baru dalam tempoh 24 jam yang lalu dikesan di Malaysia dan jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) di Malaysia setakat hari ini adalah berjumlah 12 kes dan kesemuanya adalah kes import. Sehingga kini, TIADA kes yang disebabkan oleh penularan tempatan (local transmission) dikesan di Malaysia.

Daripada 12 kes yang dikesan, hanya 5 kes yang terakhir yang masih dirawat di hospital, iaitu Hospital Sungai Buloh(1), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban(1), Hospital Pulau Pinang(2) dan Hospital Kuala Lumpur (1). Kesemua mereka telah menunjukkan respons baik dengan rawatan antivirus yang diberikan.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sejumlah 42 notifikasi kes yang mempunyai gejala jangkitan influenza setelah kembali dari negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1) diterima dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 16 kes telah dimasukkan ke wad isolasi di 4 buah hospital rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan rawatan dan penyiasatan, manakala 26 dikenakan *home quarantine*.

Dari 42 notifikasi, 29 adalah negatif terhadap influenza A(H1N1), tiada kes positif dan 13 masih menunggu keputusan. Sehingga kini, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana mendapat simptom jangkitan influenza selepas melawat negara terlibat wabak influenza adalah sebanyak 749 kes di mana, 12 kes disahkan positif influenza A(H1N1), 724 disahkan negatif dan 13 masih menunggu keputusan.

Jumlah keseluruhan kontak yang diletakkan di bawah *home quarantine* kini adalah seramai 123 orang, ini termasuk 14 kontak baru yang dikesan, iaitu 6 kontak kes ke 8, 4 kontak kes ke 10 dan 4 kontak kes ke 12. Pecahan kontak keseluruhan yang sedang dikuarantin ialah 45 kontak kes ke 8, 3 kontak untuk kes ke 9, 15 kontak kes ke 10, 54 kontak kes ke 11 dan 6 kontak kes 12. Kesemua kontak sedang dikuarantin, TIDAK menunjukkan gejala jangkitan influenza A(H1N1).

Bagi mengesan kontak kepada kesemua kes positif, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama kepada penumpang, anak kapal dan kontak kepada kes untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Pandemik Influenza A(H1N1) pada masa ini adalah berstatus fasa 6, seperti yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Jun 2009. Dalam fasa ini WHO telah menyarankan agar negara-negara yang belum ada penularan tempatan, seperti Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah berwaspada (*vigilant*).

Mengikut laporan WHO bertarikh 14 Jun 2009 jam 8pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah

sebanyak 29,960 kes dengan 145 kematian daripada 74 negara, iaitu pertambahan sebanyak 133 kes, TIADA pertambahan kematian dan negara baru. Kes baru yang berjumlah 133 kes adalah daripada 8 negara dengan majoriti adalah daripada Australia (67), China; Mainland(22), Phillipine (19), Hong Kong (11) New Zealand(9), Korea (3) Malaysia (1) dan Vietnam (1).

Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru kepada sesiapa yang baru datang atau pulang dari negara-negara yang terjejas, agar mengehendkan pergerakan mereka dalam tempoh 7 hari dari tarikh ketibaan dan sekiranya mempunyai gejala Influenza H1N1, SEGERA mendapatkan rawatan dan jangan melakukan aktiviti sosial yang melibatkan percampuran dengan orang ramai. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penularan tempatan.

Orang ramai dinasihati agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 14 Jun 2009